

Nigeria johan Futsal Semarak Piala Dunia

UB 23.4.2014 A15

Oleh JOHAN AZIZ

KOTA KINABALU: Kejohanan Futsal Semarak Piala Dunia 2014 telah diadakan di Arena Universiti Malaysia Sabah (UMS) disini baru-baru ini.

Kejohanan yang berlangsung selama dua hari itu telah melibatkan 16 pasukan yang bertanding. Setiap pasukan yang bertanding diberi nama berdasarkan pasukan-pasukan yang bertanding di Piala Dunia Brazil 2014.

Objektif utama pertandingan adalah menyemarakkan lagi demam bola Piala Dunia yang akan berlangsung bulan Jun ini. Selain itu, objektif pertandingan ini



AKSI menarik kedua-dua pasukan dalam perlawanan akhir.

juga dianjurkan kerana untuk mengumpul derma kepada Rumah Anak Yatim

Sembulan.

Pentas akhir menyaksikan aksi yang cukup dramatik apabila pasukan Nigeria dan Perancis berentap di pentas final. Perlawanan bermula rancak dari minit pertama hingga tamat perlawanan. Pasukan Nigeria menerima asakan awal dari pasukan Perancis namun pertahanan Nigeria yang diketuai oleh Muhamad Hafizi kebal mempertahankan kubu pertahanan.

Pasukan Nigeria mendahului minit ke-5 hasil jaringan cantik dari kapten pasukan iaitu Amizie Ainureen Ramli. Pasukan Perancis menyamakan kedudukan pada minit-minit akhir perlawanan masa pertama gol dijaringkan oleh Mohd



PASUKAN Nigeria yang muncul sebagai juara bersama Dr Nizam.

Akram yang menjadikan kedudukan seri 1-1 pada babak masa pertama.

Pada awal separuh masa kedua pasukan Perancis selesai mendahului Nigeria dengan jaringan 3-1 hasil jaringan Andi Habibi dan Mohd Akram. Pasukan Nigeria merapatkan jurang jaringan hasil jaringan Jabar Rahmat.

Pada lewat separuh masa kedua Mohammad Amri muncul wira pasukan Nigeria apabila menjaringkan gol penyamaan pada minit-minit akhir perlawanan dan

perlawanan berkesudahan seri 3-3 sekaligus mengheret perlawanan ke penentuan sepakan penalti.

Penjaga gol Nigeria iaitu Mohamad Fazril Hakim bertindak cemerlang menyelamatkan satu sepakan penalti lawan untuk membawa pasukan Nigeria muncul juara hasil kemenangan sepakan penalti 3-2. Manakala tempat ke-3 dan ke-4 disandang oleh pasukan Jepun dan England.

Menurut Pengurus pasukan Nigeria yang juga merupakan Pensyarah Sains

Sukan UMS, Dr. Mohamad Nizam Nazarudin, pasukan mereka bermain dengan baik dan dapat mengawal permainan namun beberapa kelekaan memudahkan pihak lawan mengambil peluang.

Menurut beliau lagi bahawa kemenangan bukan segalanya tetapi matlamat kejohanan ini iaitu keseronokan merasai demam Piala Dunia 2014.

Pemain terbaik perlawanan dinobatkan kepada Collin Cyrill manakala penjaring terbanyak kejohanan dinobatkan kepada Andi Habbibi dengan jumlah jaringan sebanyak 11 gol.



COLLIN (kanan) pemain terbaik dan Andi penjaring terbaik dalam perlawanan itu.